

PBAKL tingkatkan pembangunan intelektual, akal budi bangsa

(10 JUN 2023) BH, P12

• Diakui kebolehlihatan dan ketampakan PBAKL kali ini hasil promosi agresif dengan menggunakan segala platform pemasaran serta media sedia ada

• Perlu bincang dengan pengurusan premis mengenai tindakan drastik tumpung kehadiran jutaan pengunjung serta menyediakan kemudahan lebih baik



Ketua Penerbitan
Institut Maritim
Malaysia
(MIMA)

Oleh Othman Mansor
bh.rencana@bh.com.my

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023 baru sahaja melabuhkan tirai dengan menggantikan kunjungan mencapai 1.5 juta orang. Meskipun secara rekod, PBAKL pernah mencatatkan kunjungan hingga dua juta pengunjung, kehadiran khalayak selepas negara bangkit daripada pandemik COVID-19 perlu diiktiraf sebagai statistik amat baik.

Malah, PBAKL 2023 antara anjuran cemerlang di bawah kendalian Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan sokongan penuh persatuan penerbit dan beberapa agensi perbukuan negara.

Kayu ukur kecemerlangan dilihat dari segi beberapa faktor, antaranya kualiti dan kuantiti pengunjung. Namun, bagi setiap perniagaan, nilai keuntungan jualan tetap menjadi ukuran utama.

Banyak tokoh pemikir, sasterawan termasuk Sasterawan Negara, cendekiawan, alim ulama, sarjana, mahasiswa hingga pelajar sekolah hadir ke PBAKL 2023. Warga luar Lembah Klang menjadikan pesta buku itu sebagai sebab untuk datang ke Kuala Lumpur bersama keluarga.

Bagi mereka, PBAKL menjadi medan terbaik mendapatkan sumber ilmu dengan tawaran harga menarik. Bagi penulis, pesta buku ini menjadi platform promosi buku, sekali gus dapat berinteraksi secara langsung dengan pembaca. Begitulah juga keadaan pembaca mahu bertemu terus dengan penulis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memang sewajarnya menyempurnakan perasmian pembukaan PBAKL 2023 dengan imej sekian lama tampil sebagai pembesar budaya keintelektualan, membaca, dan berfikir.

Begitu juga Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek yang nampaknya lebih tiga kali hadir ke PBAKL 2023, termasuk memperkenalkan bukunya sendiri dan melancarkan buku serta acara perbukuan.

Beberapa pemimpin negara dan ahli politik juga kelihatan bersila panggung di beberapa reruai penerbit dengan pelbagai aktiviti berkaitan buku. Tidak kurang selebriti seperti pelakon, penyanyi, dan pempengaruh media sosial yang turut hadir hampir setiap hari.

Diakui kebolehlihatan dan ketampakan PBAKL kali ini hasil promosi agresif dengan menggunakan segala platform pemasaran serta media yang ada. Media konvensional, sama ada bercetak, televisyen dan radio hampir setiap hari memperkatakan PBAKL 2023. Begitu juga media digital diatur bijak dengan mengenal pasti demografi dan trend pengguna.

1.5 juta pengunjung hadir

Natijahnya, 1.5 juta pengunjung dari seluruh pelosok tanah air malah dari negara jiran, iaitu Singapura, Brunei, dan Indonesia turut hadir ke PBAKL 2023. Dengan congakan mudah, sekiranya setiap 1.5 juta orang itu hanya berbelanja RM10, penerbit berjaya meraih RM15 juta dalam tempoh 10 hari.

Biasanya pengunjung akan berbelanja lebih daripada jumlah itu di pesta buku, sekali gus jumlah kutipan keseluruhan pasti melebihi RM15 juta. Tidak dinafikan ada pengunjung hanya berjalan-jalan melihat kemeriahinan PBAKL tanpa berbelanja.

Secara logik, mungkin ada silap atau salah percaturan strategi sekiranya ada penerbit mengalami kemerosotan jualan berbanding PBAKL sebelum pandemik.

Pada hari terakhir PBAKL 2023 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur itu, turut berlangsung BookFest@Malaysia diadakan hingga Ahad ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang segmen fokusnya terhadap pembaca berbangsa Cina. Kedua-dua pesta buku itu adalah terbesar di negara ini, selain Pesta Buku Antarabangsa Selangor yang biasanya diadakan pada Disember.

Perkembangan positif ini menjadi rahmat dalam mengunjurkan kepada peningkatan dan pembangunan keintelektualan rakyat. Boleh dikatakan tidak ada sebarang acara membabitkan kehadiran pelbagai lapisan umur dan lebih meriah daripada PBAKL pernah diadakan di WTC, KLCC dan Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Namun, usah dibandingkan secara ‘pukul rata’ PBAKL dengan pesta buku di luar negara. Pesta Buku Antarabangsa Indonesia dan Pesta Buku Antarabangsa Riyadh hampir sama konsepnya dengan PBAKL, iaitu fokus terhadap jualan terbuka yang diadakan di pusat konvensyen begitu kondusif terhadap penerbit dan pengunjung.

Fokus Pesta Buku Frankfurt, London, Sharjah dan Tokyo adalah terhadap penjualan hak cipta, kemudian dibuka kepada pembeli umum. Buku dipamerkan di pesta buku berkenaan kebanyakannya terbitan terkini dan penting untuk didagangkan hak cipta ke pasaran pembaca



antarabangsa.

Namun, jumlah pengunjung semua pesta buku ini tidak setanding kuantiti pengunjung PBAKL. Walaupun Pesta Buku Frankfurt terbesar dan terulung di dunia, ia mencatatkan kehadiran 302,267 pengunjung pada 2019, iaitu sebelum COVID-19. Rekod pengunjung pesta buku terbesar pernah dicatatkan di Pesta Buku Antarabangsa Kaheran 2020 ialah 3.5 juta orang.

Kemudahan pikat pengunjung

Selain itu, isu kemudahan, kadar sewa tapak dan lokasi sudah sekian lama menjadi polemik sepanjang penganguran PBAKL. PBAKL pernah diadakan di MAEPS, tetapi maklum balas berbaur negatif antaranya jauh dari pusat bandar raya, jauh berjalan kaki daripada tempat meletak kereta dan penat mendaki bukit ke dewan tetap timbul.

Ada cadangan PBAKL diadakan di KLCC yang lengkap segala-galanya seperti dialami pengunjung BookFest@Malaysia, tetapi slot ruang masa dan tapak KLCC begitu terhad. Malah, kebanyakannya penerbit buku tidak bersetuju dengan kadar sewa tapak bernilai lebih sekali ganda daripada WTC. BookFest @ Malaysia pernah diadakan di Pusat Konvensyen Putrajaya, tetapi sekarang terus memilih KLCC walaupun perlu membayar lebih.

Begitu juga usul diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) mempunyai dewan besar dan ruang parkir agak mencukupi. Namun, ia tidak mempunyai kemudahan pengangkutan awam hingga memerlukan semua pengunjung menggunakan kenderaan sendiri.

Nampak seperti tiada penyelesaian selain tetap perlu menganjurkannya PBAKL di WTC. Sebenarnya, ia sangat bergantung kepada pihak pengurusan WTC KL untuk melaksanakan tindakan drastik bagi menampung kehadiran berjuta-juta orang bagi setiap acara. Hanya perlu tumpukan penyelesaian tuntas terhadap isu meletak kenderaan, akses pengangkutan awam, kebersihan tandas dan sistem pengudaraan baik.

Realitinya, keprihatinan dan kedudukan kerajaan kepada industri buku sudah mula menampakkan sinarnya. Perdana Menteri sudah membuka lorong kepada pembangunan industri buku sejak pembentangan Belanjawan 2023.

Kementerian Pendidikan melalui menterinya pun terserah kecenderungan terhadap buku. Sementelah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) sudah menyenaraikan ‘buku’ dalam direktori kategori produk (alat tulis) dan perkhidmatan (percetakan dan penerbitan).

Tinggal lagi bagaimana nanti penggiat ekosistem buku ‘menggosok bahu’ kepemimpinan negara dan pihak penyedia pusat pameran untuk menjadikan penganguran PBAKL lebih bersistematis akan datang.

Walaupun tidak ketara dari segi kewangan dilihat dalam konteks industri lebih besar, PBAKL sedikit sebanyak menyumbang sesuatu kepada ekonomi. Namun, ia sebenarnya begitu ketara kepada pembangunan intelektual dan memandaiakan akal budi bangsa.